

Pendekatan *Takhrij* Dan *Tahqiq* dalam Pengajian Kitab *Turāth*: Kepentingan serta Kaedah Rujukan

[The Approach of Takhrij and Tahqiq in The Study of the Book of Turāth: Importance and Reference Methods]

Ahmad Mursyid Azhar¹

¹ (Corresponding author) Department of Hadith, Faculty of Usuluddin, Al-Azhar University, Cairo, Egypt, e-mail: ahmadmursyid80@gmail.com

ABSTRACT

Kitab turāth is a book from previous scholars for Muslims in various branches of knowledge. However, there are actions of some scholars or speakers who easily accepted and spread the information written in the book of turāth to students of knowledge or the general public without first examining all the information contained in it. This action causes some of the information disseminated to be inaccurate, and there is also wrong and false information. This is because the data is transmitted without knowing the information's source and the facts' accuracy. Therefore, this study was carried out so that the importance of the takhrij and tahqiq approach in the study of the book of turāth among scientists and speakers can be sown and then applied in their studies. Thus, based on qualitative methods and content analysis, this study examines several scientific works related to the approach of takhrij and tahqiq. In addition, this study also examines articles related to Shamela Library to propose solutions for this issue. In conclusion, some measures of the importance of takhrij and tahqiq in the study of the book of turāth have been submitted, and some reference methods in doing research have been successfully proposed.

Keywords: *Kitab turāth, Takhrij, Tahqiq*

ABSTRAK

Kitab turāth ialah kitab peninggalan ilmuwan terdahulu untuk umat Islam dalam pelbagai cabang ilmu. Tindakan sebahagian ilmuwan mahupun penceramah secara bermudahan menerima serta menyebarkan maklumat yang tertulis dalam kitab turāth kepada penuntut ilmu mahupun masyarakat awam tanpa diteliti terlebih dahulu segala maklumat yang terdapat dalamnya. Tindakan ini menyebabkan sebahagian maklumat yang disebarluaskan adalah kurang tepat dan terdapat juga maklumat yang silap dan jauh daripada kebenaran. Hal ini kerana maklumat-maklumat tersebut disebarluaskan tanpa mengetahui akan sumber asal maklumat tersebut serta ketepatan faktanya. Maka dengan itu kajian ini dijalankan agar

kepentingan pendekatan *takhrīj* dan *taḥqīq* dalam pengajian kitab *turāth* dalam kalangan ilmuwan mahupun penceramah dapat disemai seterusnya diaplikasikan dalam pengajian mereka. Oleh itu, berasaskan metode kualitatif dan analisis kandungan, kajian ini meneliti beberapa karya ilmiah berkaitan pendekatan *takhrīj* dan *taḥqīq*. Di samping itu, kajian ini turut meneliti artikel berkaitan Shamela Library bagi mengemukakan langkah penyelesaian bagi isu ini. Kesimpulannya, beberapa langkah kepentingan *takhrīj* dan *taḥqīq* dalam pengajian kitab *turāth* dapat dikemukakan serta beberapa kaedah rujukan dalam melakukan penelitian berjaya dicadangkan.

Kata kunci: Kitab *turāth*, *Takhrīj*, *Taḥqīq*

How to Cite:

Received : 09-11-2022

Accepted : 27-05-2023

Published : 31-05-2023

Azhar, A. M. (2023). Pendekatan Takhrīj Dan Taḥqīq dalam Pengajian Kitab Turāth: Kepentingan serta Kaedah Rujukan. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 4(1), 77-89.

1. Pengenalan

Terma *turāth* (تراث) adalah perkataan Arab daripada terbitan kata *waritha* (ورثة) yang membawa maksud peninggalan. Jadi *turāth* boleh diertikan sebagai segala sesuatu yang ditinggalkan oleh orang terdahulu (Metsra Wirman, 2013). Manakala kata *turāth* pada sudut istilah menurut Ali Jum'ah (2015) adalah hasil produk seseorang yang telah dihasilkan lebih 100 tahun dahulu dan disebarluaskan secara lisan mahupun penulisan untuk umat Islam. Menurut Ali Jum'ah, *turāth* hanya dikhususkan manfaatnya untuk orang Islam sahaja. Baik manfaat itu hasil daripada penulisan mahupun perkhabaran terdahulu. Bukan itu sahaja, bahkan definisi *turāth* yang dikemukakan oleh Ali Jum'ah mempunyai tempoh masa yang khusus. Jika sesuatu peninggalan itu belum cukup usia 100 tahun maka ia belum lagi dikira sebagai *turāth*.

Namun terdapat sebahagian pengkaji yang berbeza pendapat dengan Ali Jum'ah. Sebahagian pengkaji telah meluaskan maksud *turāth* itu kepada segala peninggalan ulama terdahulu tanpa disyaratkan peninggalan 100 tahun dahulu (Metsra Wirman, 2013). Perkara ini dapat dilihat pada makna asal *turāth* dari sudut bahasa ialah setiap yang perkara yang ditinggalkan oleh orang-orang yang terdahulu sebelum sesuatu generasi. Bukan itu sahaja, sebahagian pengkaji juga tidak mengkhususkan manfaat *turāth* itu kepada orang Islam sahaja. Bahkan sesuatu peninggalan itu dikira *turāth* apabila semua lapisan masyarakat dapat mengambil faedah daripada peninggalan tersebut (Metsra Wirman, 2013).

Adapun kitab *turāth* lebih khusus berbanding *turāth* itu sendiri. Hal ini kerana terma *turāth* meliputi semua bentuk peninggalan sama ada penulisan, ucapan dan barang peninggalan. Manakala kitab *turāth* lebih

khusus tertumpu kepada segala peninggalan berbentuk penulisan mahupun buku. Jika menurut definisi yang dikemukakan oleh Ali Jum'ah, sesuatu kitab itu boleh dikategorikan sebagai kitab *turāth* apabila usia kitab itu telah berusia seratus tahun atau lebih daripada itu. Selain itu, berdasarkan definisi yang dibawa oleh Ali Juma'ah, sesuatu kitab dikategorikan sebagai *turāth* apabila kitab tersebut dapat memberi manfaat kepada umat Islam. Kitab-kitab *turāth* tidaklah terhad kepada subjek-subjek pengajian Islam sahaja seperti tafsir, hadith, fiqh dan sebagainya, bahkan meliputi segala peninggalan berbentuk penulisan sama ada sejarah, falsafah dan lain-lain lagi. Perkara ini bertepatan dengan definisi yang dikemukakan oleh Ali Jum'ah. Jika sesuatu penulisan itu dapat memberikan manfaat kepada umat Islam, walaupun bukan daripada kategori subjek-subjek pengajian Islam maka ia boleh disebut juga sebagai kitab *turāth*.

Akan tetapi, berbeza pula menurut *uruf* di Malaysia. Kebiasaan bagi warga sekolah pondok ataupun madrasah secara khusus dan masyarakat melayu secara umum, kitab *turāth* ialah kitab-kitab pengajian Islam yang ditulis dengan tulisan jawi lama. Kitab-kitab jawi ini juga dikenali sebagai kitab klasik atau juga kitab kuning (Faudzinaim, 2012). Kitab-kitab jawi ini juga boleh kita kategorikan sebagai kitab *turāth* menurut sebahagian pengkaji yang meluaskan definisi *turāth* itu. Hal ini kerana kitab-kitab jawi ini merupakan peninggalan ulama melayu atau Nusantara yang terdahulu. Antara contoh kitab-kitab jawi yang popular dalam kalangan masyarakat melayu Islam seperti kitab *Bakuratul Amani*, *Munyatul Musolli*, *Aqidatun Najin*, *Anak Kunci Syurga*, *Penawar Bagi Hati* dan pelbagai lagi kitab-kitab jawi yang tidak terhitung jumlahnya.

Pengajian kitab *turāth* di Malaysia semakin meningkat dan bertambah sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Kesedaran masyarakat untuk mempelajari kitab-kitab *turāth* semakin bertambah terutamanya dalam kalangan mahasiswa pengajian Islam. Bukan itu sahaja, mahasiswa yang bukan dalam aliran pengajian Islam juga turut serta dalam pengajian kitab-kitab *turāth* yang diadakan sama ada anjuran pihak universiti mahupun kelas-kelas pengajian di luar kampus. Menurut Syed Salim Syed Shamsuddin (2018), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menjadikan pengajian yang berteraskan pengajian talaqqi sebagai satu kursus bertaraf wajib USIM. Hal ini bertujuan untuk mendedahkan kepada para mahasiswa tentang teknik dan kaedah unutuk menganalisa teks-teks *turāth* Islam. Perkara ini membuktikan bahawa pengajian *turāth* sedang digiatkan oleh pihak universiti. Bukan itu sahaja, pengajian *turāth* seperti pengajian hadith dalam kalangan masyarakat juga sedang giat dijalankan di masjid-masjid. Menurut Mohd Amru Isa dan Najah Nadiah Amran (2017) pengajian hadith di masjid pada masa ini mendapat sambutan menggalakkan daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Akan tetapi, kesedaran terhadap pentingnya pengajian kitab *turāth* sahaja tidak cukup untuk memberikan suatu maklumat mahupun dakwaan dan nukilan. Tindakan sebahagian ilmuwan mahupun penceramah secara bermudahan menerima serta menyebarkan maklumat yang tertulis dalam kitab *turāth* kepada penuntut ilmu mahupun masyarakat awam tanpa diteliti terlebih dahulu segala maklumat yang terdapat dalamnya. Tindakan ini menyebabkan sebahagian maklumat yang disebarluaskan adalah kurang tepat dan terdapat juga maklumat yang silap dan jauh daripada kebenaran. Hal ini kerana maklumat-maklumat tersebut disebarluaskan tanpa mengetahui akan sumber asal maklumat tersebut serta ketepatan faktanya. Sehingga hadith-hadith yang disebarluaskan dalam ceramah atau semasa pengajian kitab *turāth* ialah hadith yang terlalu *da’if* dan juga hadith *mawdū’*, kisah-kisah atau riwayat yang tidak dapat dipastikan sumber asal serta ketepatan kisah tersebut (Abur Hamdi Osman 2022).

Beberapa kajian dan penulisan telah membuktikan kewujudan hadith yang terlalu *da’if* atau *maudū’* dan juga hadith yang tiada sumber asalnya seperti mana yang telah disenaraikan oleh Abur Hamdi Osman dan Mohd Norzi Nasir (2022) dalam penulisan mereka. Menurut mereka (2022), hasil beberapa kajian peringkat Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah terhadap hadith dalam khutbah Jumaat, artikel, kitab-kitab jawi dan lain-lain telah membuktikan bahawa terdapat kecuaian dalam penggunaan hadis. Maka disebabkan itu artikel ini ditulis bagi menerangkan kepentingan pendekatan *takhrij* (carian sumber) dan *tahqiq* (penelitian) dalam pengajian kitab *turāth* supaya maklumat yang disebarluaskan itu tepat dan terselamat dari sumber yang diragui. Bukan itu sahaja, penulisan ini juga memberikan langkah penyelesaian dan kaedah rujukan untuk melakukan semakan terhadap segala maklumat yang berada dalam kitab *turāth*.

2. Definisi *Takhrij* dan *Tahqiq* Serta Sejarahnya

Perkataan *takhrij* (تَخْرِيج) berasal daripada terbitan kata *kharaja* (خرّج) yang membawa maksud memperlihatkan tempat atau keadaan dan terpisah (Kumpulan Bahasa Arab, 2011). Adapun makna *takhrij* yang hendak dibincangkan ialah *takhrij al-hadīth* sepetimana yang dibincangkan dalam ilmu hadith. Menurut Mustofa Abu Zaid (2018), *takhrij* adalah proses menyandarkan hadith-hadith yang tiada sandaran kepada kitab-kitab yang bersanad sama ada disertakan dengan komentar terhadap hadith-hadith tersebut atau tidak disertakan sebarang komentar. Berdasarkan definisi yang telah disebutkan, dapat difahami bahawa asas kepada *takhrij al-hadīth* adalah menyandarkan kembali segala hadith yang tidak diketahui sumber asalnya kepada kitab-kitab hadith yang disertakan sanadnya tanpa disertakan hukum hadith mahupun sebarang komentar terhadap hadith tersebut.

Menurut al-Sakhāwī (2003) *takhrīj* adalah apabila seorang ulama hadith mengeluarkan hadith-hadith daripada isi *ajzā' al-hadīhiyyah* (bahagian-bahagian hadith), *kutub al-masyāikhāt* (kitab yang menghimpunkan nama-nama guru seseorang perawi serta periyawatannya) dan kitab-kitab hadith serta mengeluarkan konteks daripada periyawatannya sendiri atau periyawatan gurunya atau periyawatan yang sezaman dengannya. Juga komentar ke atas periyawatan tersebut dan menyandarkannya kepada pengarang kitab hadith bersama keterangan tentang pertukaran, persamaan dan pelbagai lagi. Terdapat sebahagian yang lain meluaskan penggunaan *takhrīj* kepada semata-mata mengeluarkan sumber dan menyandarkannya.

Manakala *tahqīq* pula berasal daripada kata terbitan *haqqāqa* (حقّ) yang bermaksud menetapkan suatu perkara dan membenarkannya (Kumpulan Bahasa Arab, 2011). Manakala *tahqīq* yang dibincangkan ialah *tahqīq al-makhtūtāt* atau penelitian terhadap manuskrip-manuskrip terdahulu. Adapun *tahqīq* pada istilah ahlinya ialah usaha pemeliharaan yang khusus terhadap manuskrip-manuskrip terdahulu (Hamdi Abdul Fattah, 2014). Menurut beliau lagi (2014) *tahqīq* juga didefinisikan sebagai pembacaannya secara bentuk yang dikehendaki oleh penulis asal atau secara bentuk yang hampir kepada penulisan asal seseorang penulis. Jadi jelas difahami bahawa *tahqīq* itu ialah satu usaha untuk memelihara manuskrip terdahulu dengan penelitian yang mendalam sehingga penulisan daripada manuskrip tersebut dapat dicetak semula sama ada bertepatan dengan kehendak penulis asal atau hampir kepada penulisan yang asal.

Usaha *tahqīq al-makhtūtāt* bermula sekitar kurun ke-15 Masihi oleh ilmuwan Eropah terhadap penulisan sastera Yunani dan Latin. Akan tetapi ilmuwan Islam telah terlebih dahulu mengemukakan kaedah-kaedah *tahqīq* antara nas-nas yang berbeza. Perkara ini dapat kita ketahui apabila al-Yūnīnī antara tokoh yang terawal yang menjalankan kegiatan *tahqīq*. Beliau telah berjaya melakukan *tahqīq* riwayat Ṣahīḥ al-Bukhārī (Ramadan Abdul Tawwab, 1985). Bahkan jika dilihat semula dalam kitab-kitab *muṣṭalah al-hadīth* terdapat satu bab yang menjadi asas dalam *tahqīq* iaitu *kitābat al-hadīth wa ḥabībihi* (كتابُ الْحَدِيثِ وَضَبْطُهِ). Jelas di sini menunjukkan bahawa usaha-usaha *tahqīq* atau pemurnian manuskrip telah lama dijalankan oleh ilmuwan-ilmuwan Islam terdahulu. Bahkan, antara yang terawal mementingkan usaha *tahqīq* ini ialah ilmuwan daripada kalangan ulama hadith.

Kesimpulannya, usaha-usaha *takhrīj al-hadīth* dan *tahqīq al-makhtūtāt* telah dijalankan oleh ilmuwan-ilmuwan Islam terdahulu secara umumnya serta ilmuwan hadith terdahulu secara khusus. Sama ada penulisan itu merupakan periyawatan hadith seperti yang dilakukan oleh al-Yūnīnī dalam meneliti Ṣahīḥ al-Bukhārī atau penulisan berbentuk syarah hadith seperti yang dilakukan oleh Ibnu Ḥajar al-‘Asqalānī yang telah menulis syarah terhadap Ṣahīḥ al-Bukhārī yang dinamakan *Fath al-Bārī*. Di sini juga

jelas menunjukkan bahawa hubungan ilmu hadith dengan ilmu *takhrīj* dan *taḥqīq* sangat berkait rapat antara satu sama lain.

3. Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian pada penulisan ini adalah berbentuk kepustakaan dan analisis kandungan. Data-data kajian dirujuk daripada buku-buku yang membincangkan mengenai perbahasan takhrīj dan taḥqīq seperti buku Al-Mukhtaṣar Fi Qawā'id al-Takhrīj Wa Dirāsat al-Asānīd oleh Mustofa Abu Zaid dan juga buku Kaifa Tuḥaqqaq Makhtūṭan Turāthiyyan oleh Hamdi Abdul Fattah di samping artikel-artikel yang berkaitan dengan perbincangan takhrīj dan taḥqīq turut dirujuk. Disebabkan perbincangan takhrīj dan taḥqīq berkait rapat dengan perbincangan ilmu hadith, buku-buku yang berkaitan dengan ilmu hadith turut diteliti seperti penulisan Ibnu al-Šolāh dan al-Sakhāwī.

Bukan itu sahaja, demi mendapatkan maklumat berkaitan *turāth* dan Shamel Library, beberapa artikel dan penulisan yang berkaitan dengan kedua-dua perkara tersebut turut dirujuk supaya dapat difahami dengan lebih baik akan permasalahan ini. Antara penulisan yang dirujuk adalah seperti buku Al-Ṭārīq Ila al-Turāth al-Islāmī karangan Ali Jum'ah. Penulisan ini memfokuskan kepada tiga skop perbincangan yang utama. Pertama, penulisan ini membincangkan tentang faedah *takhrīj al-hadīth* dan *taḥqīq al-makhtūṭāt*. Kedua, penulisan ini membincangkan tentang kepentingan *takhrīj* dan *taḥqīq* dalam pengajian kitab *turāth*. Ketiga, penulisan ini membincangkan kaedah rujukan dalam menjalankan proses *takhrīj* dan *taḥqīq*. Kajian ini mengutarakan pendekatan yang telah digunakan dalam ilmu hadith iaitu *takhrīj* dan *taḥqīq* sebagai kaedah penelitian dalam pengajian kitab *turāth*. Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi mewujudkan kesedaran dalam kalangan ilmuwan, penceramah dan pelajar terhadap keperluan pendekatan *takhrīj* dan *taḥqīq* agar dapat disemai serta diperaktikkan dalam pengajian mereka terutama dalam pengajian kitab *turāth*. Seterusnya memberikan cadangan dan langkah penyelesaian terhadap penelitian dalam pengajian kitab *turāth* supaya segala maklumat dan perkongsian yang disampaikan adalah benar dan berasas daripada sumber yang dipercayai.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Faedah Takhrīj al-Hadīth

Takhrīj al-hadīth adalah proses menyandarkan hadith-hadith yang tiada sandaran kepada kitab-kitab yang bersanad sama ada disertakan dengan komentar terhadap hadith-hadith tersebut atau tidak disertakan sebarang

komentar (Mustofa Abu Zaid, 2018). Jadi dapat difahami bahawa faedah utama *takhrīj* adalah menyandarkan hadith kepada sumber asalnya berserta status hadith tersebut di samping mengetahui sumber asal bagi sesuatu hadith. Namun faedah *takhrīj* tidak terhad setakat itu sahaja, bahkan jika diteliti penulisan-penulisan berkaitan kaedah-kaedah *takhrīj* akan didapati banyak faedah berkaitan dengan *takhrīj al-hadīth*. Antara faedah-faedahnya adalah (Mustofa Abu Zaid, 2018):

- i. Mengetahui sumber asal bagi sesuatu hadith berserta sanadnya.
- ii. Mengetahui sesuatu hadith itu sama ada hadith *marfū'*, *mawqūf* atau *maqtū'*.
- iii. Mengetahui keadaan sanad hadith sama ada bersambung sanad atau tidak.
- iv. Mengetahui komentar para imam hadith dalam menetapkan status sesuatu hadith.
- v. Menyingkapi keraguan serta kesilapan para perawi hadith.
- vi. Mengetahui sesuatu hadith itu diriwayatkan secara lafaz ataupun secara makna.
- vii. Mengetahui *'ilal* pada sesuatu hadith atau perawi.

Berdasarkan faedah-faedah *takhrīj* yang disebutkan, dapat difahami bahawa tujuan sebenar dalam *takhrīj al-hadīth* adalah memastikan ketepatan sumber suatu hadith adakah ia diterima atau ditolak. Dalam erti kata lain, faedah-faedah *takhrīj al-hadīth* dapat memberikan kita pengetahuan berkaitan status sesuatu hadith sama ada *sahih*, *hasan*, *da'if* mahupun *mawdū'*. Kita juga dapat mengetahui punca kecacatan sesuatu hadith dan periwayatannya. Hal ini bertujuan agar kemuliaan hadith Nabi SAW terjaga dan terpelihara dari sebarang riwayat yang meragukan. Seterusnya dapat memelihares kesucian hadith Nabi SAW daripada ditohmah dan diragui oleh golongan orientalis dan pembenci Islam. Oleh itu, berdasarkan tujuan inilah, pendekatan *takhrīj* dikemukakan supaya dapat dipraktikkan dalam pengajian kitab *turāth*.

4.2 Faedah *Tahqīq al-Makhtūtāt*

Berdasarkan definisi *tahqīq al-makhtūtāt* yang dijelaskan sebelum ini, tujuan utama *tahqīq* adalah penelitian terhadap manuskrip-manuskrip terdahulu agar dapat dicetak semula, sama ada ia sama dengan kehendak penulis manuskrip tersebut atau hampir sama. Akan tetapi, usaha penelitian terhadap manuskrip bukan sahaja agar manuskrip itu dapat dicetak semula, bahkan menjadi satu usaha dan ijtihad yang besar bagi memastikan ia bebas dari sebarang kesilapan dan kesalahan. Menurut Ramadan Abdul Tawwab (1985), ramai para pengkaji salah faham dalam tujuan sebenar *tahqīq al-naṣ* iaitu

hanya sekadar mencetak semula penulisan terdahulu, akan tetapi ia merupakan satu usaha penelitian yang mendalam sehingga hasil dari *tahqīq* tersebut terselamat dari sebarang kesilapan. Adapun faedah-faedah bagi *tahqīq al-makhtūtāt* adalah seperti berikut (Hamdi Abdul Fattah, 2014):

- i. Memastikan sumber manuskrip yang dipercayai dengan melakukan perbandingan antara manuskrip.
- ii. Mencari sumber asal atau primer bagi setiap naṣ al-Quran, hadith, syair-syair Arab serta kata-kata atau pendapat para imam tertentu.
- iii. Membetulkan segala kesilapan yang ada pada manuskrip atau cetakan terdahulu.
- iv. Menambah baik segala kekurangan atau penambahan yang ada pada manuskrip atau cetakan terdahulu.
- v. Menambah baik kesamaran antara huruf atau perkataan yang terdapat pada manuskrip.

Maka jelas difahami bahawa fungsi serta faedah *tahqīq* adalah penelitian yang mendalam dengan memastikan sumber asal setiap maklumat dan dakwaan, seterusnya menambah baik segala kekurangan, kesilapan dan kesamaran yang terdapat pada manuskrip sehingga maklumat yang sampai kepada para pembaca adalah benar dan tepat. Oleh itu, berdasarkan kepada faedah-faedah *tahqīq al-makhtūtāt* ini, pendekatan *tahqīq* perlu dimartabatkan untuk diaplikasikan dalam pengajian kitab *turāth* secara khusus dan pengajian-pengajian lain secara umum.

4.3 Kepentingan *Takhrīj* Dan *Tahqīq* Dalam Pengajian Kitab *turāth*

Berdasarkan faedah serta tujuan *takhrīj* dan *tahqīq* yang dibincangkan sebelum ini, pendekatan *takhrīj* dan *tahqīq* sangat penting agar segala perkongsian dan maklumat yang diambil di dalam kitab *turāth* adalah benar serta mempunyai asas sandaran yang kukuh. Menurut Ahamad Asmadi Sakat (2019) ketika membicarakan keperluan *tahqīq* terhadap kitab Hadith 40, penelitian akan membantu guru yang mengajar hadith dan menyampaikan ilmu menggunakan kitab ini dengan penuh keyakinan apabila wujud sandaran, rujukan yang jelas serta maklumat yang tepat". Malah para penceramah akan menjadi lebih teliti dan ilmiah dalam penyampaian mereka.

Fokus perbincangan pada kali ini adalah kepentingan mengaplikasikan pendekatan *takhrīj* dan *tahqīq* dalam pengajian kitab *turāth* sahaja. Hal ini kerana penelitian mendalam mengenai *takhrīj* dan *tahqīq* hanya mampu dilaksanakan dengan baik oleh ahlinya yang berkelayakan sahaja seperti mana menurut Ibnu al-Šolāh (1986). Akan tetapi, pendekatan yang terdapat dalam proses *takhrīj* dan *tahqīq* yang perlu diperaktikkan ketika meneliti kitab-kitab *turāth*.

Jadi kepentingan utama kedua-dua pendekatan ini dalam pengajian kitab *turāth* adalah memastikan sumber asal atau sumber primer bagi setiap naṣ al-Quran, hadith, sejarah dan kisah-kisah mahupun nukilan kata-kata atau dakwaan para imam terdahulu. Mengenal pasti setiap kesahihan dan ketepatan sumber perkara-perkara tersebut dapat menjamin seseorang pengajar atau penceramah daripada tersilap dalam menyampaikan maklumat dan fakta.

Justeru itu, beberapa perkara perlu diambil perhatian semasa atau sebelum memulakan pengajian kitab *turāth*. Hal ini bertujuan agar segala maklumat yang disampaikan oleh para pengajar atau penceramah adalah tepat dan jauh daripada sebarang kesilapan. Berikut adalah beberapa perkara yang dicadangkan untuk diberikan perhatian sebelum memulakan pengajian kitab *turāth*:

- i. Al-Quran: pemerhatian terhadap nama surah, ayat al-Quran serta tafsir al-Quran.
- ii. Hadith: pemerhatian terhadap sumber hadith, status hadith, syarah hadith serta pengamalan hadith.
- iii. Sejarah atau kisah: pemerhatian terhadap sumber sejarah atau sesuatu kisah, ketepatan fakta sejarah serta pemahaman terhadap naratif sejarah.
- iv. Nukilan dan dakwaan: pemerhatian terhadap sumber nukilan dan dakwaan serta ketepatan nisbah nukilan dan dakwaan kepada seseorang tokoh atau individu.

Perkara pertama iaitu pemerhatian terhadap al-Quran, perlu dipastikan nama surah serta ayatnya. Bukan itu sahaja, penekanan terhadap tajwid dan makhraj huruf juga penting supaya tidak berubah dari maksud asal suatu ayat al-Quran itu. Hal ini bagi memastikan kefahaman ayat al-Quran yang disebarluaskan adalah benar dan bertepatan mengikut kehendak Allah SWT.

Para penceramah atau pengajar boleh merujuk beberapa kitab bagi memastikan pemahaman terhadap al-Quran itu benar. Antara kitab yang *mu'tabar* dicadangkan untuk dirujuk ialah seperti kita tafsir al-Qurtubī, tafsir Ibnu Kathīr, Mafatīhul Ghaib oleh al-Rāzī dan lain-lain kitab tafsir serta kitab-kitab ulum al-Quran muktabar yang lain.

Manakala perkara yang kedua ialah pemerhatian terhadap hadith-hadith. Perkara utama yang perlu dititikberatkan adalah memastikan sumber asal suatu hadith seperti hadith riwayat al-Bukhārī, Muslim, al-Tirmidhī dan lain-lain sumber primer bagi hadith. Seterusnya mengetahui status suatu hadith adakah ia *sahih*, *hasan*, *da'iif* mahupun *maudhū'*. Jika seseorang itu bukan ahli dalam menetapkan status hadith, maka dicadangkan bagi seseorang untuk bertaklid dengan mana-mana imam hadith seperti al-Bukhārī, Muslim, al-Tirmidhī, Ibnu Ḥajar al-'Asqalānī, as-Sakhawī dan lain.

Jika didapati hadith tersebut tidak diterangkan statusnya oleh imam-imam terdahulu, maka dicadangkan untuk bertaklid dengan mana-mana pengkaji hadith moden yang dipercaya seperti Shu'aib al-Arnā'ūt Muhammad Awwamah, Mahmud Said Mamduh dan lain-lain lagi. Bukan itu sahaja, pemahaman terhadap makna sesuatu hadith perlu diberikan perhatian dengan merujuk kepada syarah-syarah hadith. Tidak cukup di situ sahaja, pemahaman berkaitan cara mengamalkan suatu hadith juga perlu diketahui.

Terdapat beberapa kitab yang boleh dijadikan rujukan dalam perkara ini. Untuk mengetahui status sesuatu hadith boleh merujuk kitab *Talkhīṣ al-Ḥabīr* oleh Ibnu Ḥajar al-‘Asqalānī, *Takhrīj Ahādīth al-Ḥiyā* oleh al-‘Irāqī dan *Majmā’ al-Zawā’id* oleh al-Haithamī. Manakala untuk syarah hadith pula seperti kitab *Fath al-Bārī* oleh Ibnu Ḥajar al-‘Asqalānī, *al-Minhāj* oleh al-Nawawī dan *Irshād al-Sārī* oleh al-Qastallānī.

Perkara yang seterusnya ialah pemerhatian terhadap sejarah dan kisah-kisah yang terdapat dalam kitab-kitab *turāth*. Segala fakta sejarah dan sumber asal bagi kisah-kisah yang terdapat dalam kitab *turāth* perlu diteliti kesahihannya. Ini bagi memastikan sejarah yang disampaikan itu ialah benar dan jauh daripada penyelewengan sejarah. Hal ini juga bagi memastikan setiap kisah itu ada sandarannya yang dipercaya dan jauh daripada *isrāīliyyāt* dan tahayul. Beberapa kitab dicadangkan sebagai sumber rujukan seperti *Siyar A'lām al-Nubalā'* oleh al-Dhahabī, *Tafsir Ibnu Kathīr*, *Bida' al-Tafāsīr* oleh al-Ghumarī serta *Sīrah Ibnu Hisyām*.

Perkara yang terakhir ialah pemerhatian terhadap nukilan dan dakwaan ilmuwan terdahulu yang terdapat di dalam kitab *turāth*. Dalam hal ini, yang penting adalah memastikan penisahan satu nukilan dan dakwaan terhadap ilmuwan tertentu adalah benar dan tepat. Seterusnya perlu dipastikan juga asal sumber nukilan dan dakwaan seseorang ilmuwan itu benar sandarannya. Akhir sekali, pemahaman terhadap nukilan-nukilan atau dakwaan-dakwaan seseorang ilmuwan tertentu perlu difahami dengan baik dan bertepatan dengan kehendak atau maksud ilmuwan tersebut.

Di samping itu, kepentingan pendekatan *takhrīj* dan *tahqīq* juga adalah memastikan setiap perkataan dan huruf serta ayat yang terdapat dalam kitab *turāth* terselamat dari sebarang kecacatan, kesilapan, kekurangan dan sebagainya. Dalam hal ini, penguasaan bahasa terutamanya Bahasa Arab sangatlah penting dalam memastikan ketepatan setiap perkataan serta maknanya. Ini semua bertujuan semua maklumat yang disampaikan adalah benar dan tepat serta terselamat dari sebarang kesilapan.

4.4 Kaedah Rujukan Dalam Menjalankan Proses *Takhrīj* Dan *Tahqīq*

Secara asasnya, menjalankan kerja *takhrīj* dan *tahqīq* bukanlah suatu yang mudah. Meskipun begitu, dengan kemudahan yang ada pada zaman sekarang tidak menghalang seseorang untuk melakukan penelitian *takhrīj* dan *tahqīq*.

Maka perbincangan ini akan membahas kaedah rujukan yang boleh diaplikasikan oleh semua ilmuwan dan penceramah serta mahasiswa dalam meneliti kitab-kitab turāth.

Terdapat dua kaedah yang boleh digunakan untuk menjalankan proses *takhrij* dan *tahqīq*. Kaedah pertama adalah dengan menggunakan software atau aplikasi Shamela Library. Shamela Library atau *al-Maktabah al-Shāmilah* adalah sebuah program komputer yang mempunyai pelbagai kitab pengajian Islam dan berfungsi sebagai perpustakaan digital dengan teknik carian yang mudah (Oyoh Bariah, 2017). Kelebihan aplikasi ini tersangatlah banyak sehingga memudahkan bagi sesiapa yang mahu menggunakannya dalam membuat carian kitab-kitab tertentu. Hal ini kerana ia memuatkan banyak kitab-kitab rujukan yang penting dari pelbagai cabang ilmu sama ada kitab *turāth* mahupun buku kontemporari. Tambahan pula aplikasi tersebut percuma dan mudah untuk didapati di laman web.

Aplikasi ini memuatkan sebilangan besar rujukan pengajian Islam yang terdiri daripada kitab-kitab *turāth*, buku-buku kontemporari, disertasi-disertasi atau tesis-tesis serta sebahagian manuskrip terdahulu. Rujukan-rujukan tersebut telah dibahagikan kepada beberapa bidang pengajian Islam. Antara bidang tersebut ialah akidah, tafsir, ulum al-Quran, tajwid dan qiraat, hadith, ulum hadith, *takhrij* dan *zawā'id*, *īlal*, feqh, usul fiqh, sejarah dan tarikh serta pelbagai bidang lagi. Setiap satu bidang tersebut tersenarai dalamnya kitab-kitab rujukan. Hal ini senada dengan penelitian oleh Asnil Aidah Ritonga (2021) terhadap Shamela Library. Menurut beliau (2021) Shamela Library mengandungi 53 kategori bidang pengetahuan yang dipenuhi dengan 6688 buku.

Cara penggunaan aplikasi ini boleh diketahui dengan membaca cara penggunaannya di laman web atau juga artikel-artikel yang berkaitan. Antara artikel yang bermanfaat adalah tulisan Abdul Wahid dan Febriana Santi (2018). Terdapat juga perkongsian dalam saluran Youtube oleh Ustaz Sa'īd bin Zāfir sebanyak sepuluh kelas menerangkan penggunaan aplikasi Shamela Library (Mustofa Abu Zaid, 2018).

Kaedah kedua adalah dengan merujuk kepada kitab yang telah diteliti oleh ahli *tahqīq* yang dipercayai. Hal ini kerana, kitab yang dilakukan *tahqīq* dengan kaedah *tahqīq* yang benar akan disertakan sekali sumber bagi setiap naṣ sama ada al-Quran, hadith dan nukilan-nukilan ilmuwan terdahulu. Melalui kitab yang telah dilakukan *tahqīq* ini akan membantu para pengajar, penceramah dan mahasiswa mudah untuk merujuk secara langsung kepada sumber asal.

Sebagai contoh, terdapat beberapa ahli *tahqīq* dalam bidang hadith yang sangat berkaliber seperti Syuaib al-Arnauth, Muhammad Awwamah, Nuruddin Itr dan Ahmad Ma'bad. Manakala dalam bidang fiqh pula terdapat ahli *tahqīq* yang bernama Anuar al-Dagestani yang telah meneliti serta mengkaji kitab *Tuhfatul Muhtāj*. Begitu juga pakar *tahqīq* yang bernama

Mustofa Abu Zaid yang telah meneliti pelbagai kitab dalam pelbagai bidang ilmu seperti hadith, akidah, mantik dan juga balaghah.

Konklusinya, terdapat dua keadah penting yang boleh digunakan oleh mana-mana ilmuwan dan penceramah mahupun mahasiswa dalam melaksanakan proses *takhrīj* dan *tahqīq* pada masa kini. Kaedah tersebut adalah dengan menggunakan aplikasi Shamela Library dan kitab-kitab yang telah diteliti oleh ahli *tahqīq* yang dipercayai. Penggunaan dua kaedah tersebut akan membantu para ilmuwan, penceramah, pengajar dan mahasiswa pengajian Islam dalam memastikan kebenaran suatu sumber maklumat yang terdapat dalam kitab *turāth*. Seterusnya dapat menjamin perkara yang disampaikan atau yang diajarkan dalam pengajian kitab *turāth* ialah benar dan jauh daripada salah faham dan penyelewengan.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, mengaplikasikan pendekatan *takhrīj* dan *tahqīq* dalam pengajian kitab *turāth* sangat penting. Hal ini penting kerana segala maklumat yang berada dalam kitab *turāth* dapat diketahui sumber asalnya serta terselamat dari sebarang kesilapan fakta sehingga maklumat yang disebarluaskan adalah benar dan tepat. Di samping itu, ia dapat memastikan pemahaman seseorang itu benar dan tidak diragui. Maka dengan itu, penelitian mesti dilakukan terhadap pemahaman ayat al-Quran dan hadith, sumber asal hadith serta statusnya, ketepatan fakta sejarah dan juga nukilan daripada nas-nas kitab *turāth*. Seterusnya, bagi memudahkan gerak kerja dan carian rujukan dalam proses *takhrīj* dan *tahqīq*, dua kaedah dikedepankan bagi membantu para ilmuwan dan penceramah. Dua kaedah tersebut adalah dengan menggunakan aplikasi Shamela Library dan kitab yang telah dilakukan *tahqīq* oleh ahli *tahqīq* yang dipercayai. Oleh itu, kepentingan pendekatan *takhrīj* dan *tahqīq* dalam pengajian kitab *turāth* perlu disebarluaskan dan dipupuk dalam kalangan ilmuwan dan penceramah seterusnya mendedahkan kepada mereka keadah-kaedah rujukan yang dapat membantu mereka melakukan penelitian terhadap pembacaan mereka sebelum disebarluaskan kepada penuntut ilmu dan masyarakat awam.

Rujukan

- Abdul Wahid, Febriana Santi (2018). Efektifitas Pembelajaran Hadith Tematik Dengan Software Dan Aplikasi Shamela Library Di Madrasah Aliyah An-Nur Al-Huda Ngawonggo Tajinan Malang. *Jurnal Mnemonic* 1(1) 43-49.
- Abur Hamdi Osman, Mohd Norzi Nasir (2022). Penyebaran Hadis Palsu Dalam Penerbitan Di Malaysia Dan Kesannya Kepada Masyarakat. *Hadith And Aqidah Research Institute (INHAD)* 12(23) 34-50.

- Ahamad Asmadi Sakat, Fadlan Mohd Othman, Hamzah Jummat (2019). Pentahkikan Kitab Hadith 40 Terjemahan Dan Syarahnya. BITARA International Journal Of Civilizational Studies And Human Sciences. 2(4) 16-26.
- Ali Jum'ah (2015). *Al-Tariq Ila al-Turāth al-Islāmī*. Mesir: Dar Nahdah Miṣr.
- Al-Sakhawī, Muhammad Bin 'Abd al-Rahmān (2003). *Fathul Mughīth Bisyarhi Alfiyatul Hadīth*. Mesir: Maktabah Sunnah.
- Asnil Aidah Ritonga (2021). Maktabah Syamilah As An Information Seeking Tool For Higher Education In Islamic Studies. Library Philosophy And Practice. 6196.
- Faudzinaim Hj. Badaruddin (2012). Peranan Kitab Jawi Tasawuf Sebagai Medium Transmisi Ilmu Islam Kepada Masyarakat Melayu Nusantara. International Journal Of Islamic Thought. 1, 19-26.
- Hamdi Abdul Fattah (2014). *Kaifa Tuḥaqiq Makhtaṭan Turāthiyyan*. Mesir: Maktabah al-Īmān.
- Ibnu al-Solāḥ, 'Uthmān Bin 'Abd al-Rahmān (1986). *Ma'rifat Anwā' 'Ulūm al-Hadīth*. Syria: Dār al-Fikr.
- Kumpulan Bahasa Arab (2011). *Al-Mu'jam al-Wasith*. Mesir: Maktabah as-Syuruq ad-Dauliah.
- Metsra Wirman Alidin (2013). Berinteraksi Dengan *Turāth* (Manuskrip): Menimba *Taḥqīq Turāth* di Ma'had al-Makhtutat, Kairo. Kemala Publisher. 1(1) 17-23.
- Mohd Amru Isa, Najah Nadiah Amran (2017). Pengajian Hadith Di Masjid Malaysia. Kemala Publisher. 5(1) 14-20.
- Mustofa Abu Zaid (2018). *Al-Mukhtaṣar Fi Qawā'id al-Takhrīj Wa Dirāsat al-Asānīd*. Mesir: Dār al-Šālih.
- Oyoh Bariah (2017). Efektifitas Penggunaan Dan Pemanfaatan E-Book Maktabah Syamilah Bagi Dosen Dalam Proses Pembelajaran Di Fakultas Agama Islam Unsika. Passion Of The Islamic Studies Center. 1(2) 23-246.
- Ramadan Abdul Tawwab, (1985). *Manāhij Tahqīq al-Turāth Bainā al-Qudāma Wal Muḥaddithīn*. Mesir: Maktabah al-Khanjī.
- Syed Salim Syed Shamsuddin (2018). Pemantapan Pelajar Aliran Syariah Di Institusi Pengajian Tinggi Melalui Pengajian Kitab Turath Jawi: Tinjauan Terhadap Perlaksanaan Pengajian Talaqqi Di Universiti Sains Islam Malaysia. Sains Insani. 3(1) 27-37.